

TRANSKRIP TEMU BUAL PELAJAR 1

Amira, Verbatim Temubual Pelajar 1, SMK A, (20.07.2013), (5:27)

1 **A, TB, P1, SMK A, (20072013), (5.27)**

2

3 **Pengkaji**

1 Assalamualaikum dan selamat pagi. Hari ini cikgu ingin menebual anda berkaitan
2 dengan alam sekitar. Apa yang anda faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

3

4 **Pelajar**

5 Waalaikumussalam. Emm... saya rasa Pendidikan Alam Sekitar adalah tentang em...
6 cara menghargai alam sekitar, cara memelihara alam sekitar, aa... memelihara
7 flora dan fauna dan lain-lain mengenai alam sekitar.

8

9 **Pengkaji**

10 Bagaimana pula dengan penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

11

12 **Pelajar**

13 Emm... cikgu emm... cikgu ada **menyelitkan** perkara-perkara yang berkaitan dengan
14 alam sekitar emm... seperti kepentingan alam sekitar, kebersihan alam sekitar dan
15 cara-cara menjaga alam sekitar.

16

17 **Pengkaji**

18 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar di rumah?

19

20 **Pelajar**

21 Emm.. di rumah, ibu bapa saya sering **menasihati** saya emm... supaya **sentiasa**
22 **menjaga kebersihan** kawasan rumah. Mereka selalu **berpesan** kepada saya supaya
23 tidak membuang sampah merata-rata tempat, emm... memasukkan sampah ke dalam
24 tong sampah bahkan mereka sendiri sering menjadi contoh **tauladan** yang baik
25 kepada saya dalam menjaga kebersihan kawasan rumah. Contohnya, a..selepas
26 melakukan aktiviti gotong-royong, mereka mengumpulkan sampah sarap tersebut
27 dan dimasukkan ke dalam tong sampah. Jadi saya pun ikutlah apa yang mereka
28 lakukan.

29

30 **Pengkaji**

31 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
32 Sekitar di rumah?

33

34 **Pelajar**

35 Emm... banyak juga masalah yang saya hadapi. Emm... saya, saya tak berapa tahu
36 sebenarnya tentang cara-cara kendalikan bahan-bahan buangan di rumah. Contohnya,
37 emm... seperti minyak masak yang telah digunakan, sisa-sisa ikan yang telah busuk
38 dan makanan yang telah basi. Lagipun saya rasa lekeh nak mengasingkan sampah
39 mengikut jenis seperti kaca, plastik dan aluminium. Biasanya saya buang sekali ja
40 semua.

41

42 **Pengkaji**

43 Di sekolah, bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa
44 pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas ?

45

46 **Pelajar**

47 Emm... banyak cara yang cikgu gunakan. Kadang-kadang kami di suruh emm...
48 berbincang di dalam kumpulan. Untuk mata pelajaran Biologi kami menjalankan
49 eksperimen mengkaji kadar... kadar pencemaran air. Semasa belajar Kimia, kami
50 telah membuat satu persembahan lakonan tentang kesan pencemaran alam sekitar.

51

52 **Pengkaji**

53 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
54 Sekitar semasa Pengajaran dan Pembelajaran di dalam kelas?

- 50 **Pelajar**
51 Semasa belajar di dalam kelas emm... guru yang mengajar saya tak dapat mengajar
52 dengan lebih terperinci kerana kekurangan masa. Jadi saya kurang jelas dengan
53 penerangan yang diberikan.
- 54 **Pengkaji**
55 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa aktiviti ko-
56 kurikulum di sekolah?
- 57 **Pelajar**
58 Emm... di sekolah saya menyertai **Kempen Alam Sekitar** yang dijalankan dalam
59 aktiviti ko-kurikulum. Dalam... dalam kempen tersebut emm... kami diberi
60 penerangan tentang cara penjagaan alam sekitar dan kesan-kesan sekiranya kita tidak
61 menjaganya. Sebagai contoh, saya telah belajar tentang cara-cara... tentang cara-cara
62 menjaga alam sekitar, kesan-kesan pembalakan haram dan jerebu.
- 63 **Pengkaji**
64 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa belajar tentang Pendidikan Alam
65 Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?
- 66 **Pelajar**
67 Banyak aktiviti yang tidak berkaitan dengan alam sekitar. Contohnya, emm... dalam
68 permainan bowling, biasanya dalam aktiviti ini kami hanya menjalankan latihan
69 permainan sahaja emm... tidak menekan tentang pendidikan alam sekitar langsung.
- 70 **Pengkaji**
71 Selain dari pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta melalui aktiviti ko-
72 kurikulum, apakah cara lain anda dapat mempelajari Pendidikan Alam Sekitar
73 di sekolah?
- 74 **Pelajar**
75 Emm... kalau di kantin emm... ada guru kantin yang ditugaskan untuk menjaga kami.
76 Beliau sering mengarahkan kami untuk membuang bekas-bekas plastik ke dalam
77 tong sampah dan menjaga kebersihan kantin.
- 78 **Pengkaji**
79 Pada pandangan anda, adakah Pendidikan Alam Sekitar yang ada sekarang ini
80 memadai untuk masa keselesaan hidup di masa akan datang? Terangkan.
- 81 **Pelajar**
82 Emm... saya rasa tidak memadai. Saya berpendapat bahawa mungkin perlu
83 diwujudkan subjek khas tentang Pendidikan Alam Sekitar di sekolah kerana emm...
84 walaupun Pendidikan Alam Sekitar ada diterapkan dalam subjek-subjek lain seperti
85 emm.. Sivik, Geografi, BM dan Biologi. Saya berpendapat yang pelajar tidak
86 mendapat penerangan yang lebih terperinci dan tidak dapat mempraktikkan
87 Pendidikan Alam Sekitar pada masa depan.